

Pembangunan Ekonomi Komuniti Melalui Projek Csr “Spicing Up Community”

Economic Community Development through CSR Project, “Spicing Up Community”

Sarmila Md Sum sarmila@ukm.my

Zaimah Ramli zaimahr@ukm.my

Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi

Reevany Bustami reevany@usm.my

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

Salfarina Abdul Gapor farina@usm.my

Rancangan Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
Pusat Pengajian Sains Sosial
Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

ABSTRAK

Pembangunan ekonomi komuniti adalah merupakan salah satu komponen hasil pembangunan komuniti selain dari kesejahteraan sosial dan alam sekitar. Syarikat korporat melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat atau lebih dikenali sebagai inisiatif CSR (Corporate Social Responsibility) diharapkan dapat membantu dalam membangunkan komuniti terutama sekali pembangunan ekonomi komuniti. Kertas kerja ini akan membincangkan sejauh mana syarikat korporat berupaya membantu dalam usaha ini. Seramai 45 ahli komuniti peladang yang telah terlibat dengan projek Tanggungjawab Sosial Korporat “*spicing up community*” sebuah syarikat korporat di Malaysia telah ditemu bual bagi menjawab persoalan ini. Hasil kajian kes ini mendapati terdapat 15 tema utama telah dikenal pasti dari analisa tema data kajian. Tema-tema tersebut telah digabungkan menjadi tiga komponen makna yang boleh dikategorikan sebagai peluang pekerjaan, penjana sumber pendapatan dan penjana aset. Tiga kategori tema ini menunjukkan makna kesejahteraan ekonomi yang diberikan oleh komuniti yang terlibat dengan inisiatif CSR yang telah dilaksanakan oleh syarikat korporat

Kata Kunci: Pembangunan Ekonomi Komuniti, Tanggungjawab Sosial Korporat, Pembangunan Komuniti.

ABSTRACT

Economic development is one of the outcome components of development besides social and environmental well being. The corporate sectors through their Corporate Social Responsibility (CSR) initiatives are hope to contribute to the development of communities particularly in enhancing the economic wellbeing. This paper will discuss how far the corporation can assist in this effort. A total of 45 members of farmers community that involves in a CSR project namely “spicing up community” by a corporation has been interviewed to answer this research question. Research finding from the case study shows 15 themes has emerged from the thematic analysis of the data. The themes are clustered into three components and categorised as employment opportunity, generating income and generating assets. These three categories give meaning of economic wellbeing from the perspectives of the communities that involved in the CSR initiatives by the corporation.

Keywords: Community Economic development, Corporate Social Responsibility, Community Development

PENGENALAN

Pembangunan ekonomi komuniti adalah merupakan salah satu objektif dalam usaha pembangunan yang menjuruskan perubahan dalam banyak aspek kehidupan komuniti termasuklah aspek sosial, ekonomi, budaya dan juga alam sekitar. Dekad ini menyaksikan Konsep Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) atau lebih dikenali dengan akronim CSR telah mula dibincangkan sebagai salah satu sumber bagi syarikat korporat menyumbang kepada pembangunan (Ideamudia, 2008; Jenkins, 2007; Muthuri, 2007; Newell & Frynas, 2007; Sharp, 2006; Blowfield & Frynas, 2005; Hamann, 2005; Barney, 2003).

Justeru konsep ini telah menjadi agenda polisi global di kebanyakan negara dan pihak kerajaan, NGO, masyarakat dan institusi perniagaan sendiri mula melihat CSR sebagai praktis yang mampu menghubungkan institusi perniagaan dan pembangunan (Sharp; 2006; Blowfield & Frynas; 2005, Utting; 2003). Konsep Matlamat Pembangunan Alaf Baru (*Millennium Development Goals - MDGs*)¹ yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga secara jelas telah menyatakan harapan bagi penglibatan syarikat korporat sebagai rakan kongsi global dalam usaha pembangunan (Hamann, 2006).

Namun begitu, sejauh mana harapan ini telah tercapai masih menjadi tanda tanya. Perbincangan sedia ada mempunyai pendapat yang berbeza mengenai perkara ini (Blowfield, 2007; Frynas, 2005; Jenkins, 2005). Kritikan terhadap kemampuan inisiatif CSR dalam membantu pembangunan komuniti menyatakan bahawa inisiatif ini lebih menjurus kepada usaha syarikat dalam meningkatkan hubungan awam (public relation) selain dari tidak menepati dengan keperluan pembangunan komuniti. Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan penelitian yang dibuat terhadap sebuah projek CSR yang telah dilaksanakan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada faktor pembangunan ekonomi komuniti tersebut setelah terlibat dengan projek CSR yang dikaji.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DAN KOMUNITI

Secara umumnya konsep Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR merujuk kepada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh syarikat korporat selain dari tanggungjawab ekonomi yang fokus kepada usaha mempertingkatkan nilai pemegang taruh. Dengan itu, tanggungjawab sosial korporat merangkumi tanggungjawab syarikat kepada pihak berkepentingan yang lain selain dari hanya pihak pemegang taruh iaitu kepada pekerja, pembekal, komuniti dan juga alam sekitar. Merujuk kepada *World Business Council for Social Development – WBCSD* (2000), CSR adalah merupakan komitmen institusi perniagaan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan, berusaha bersama-sama para pekerja, keluarga mereka, komuniti tempatan serta masyarakat secara umum bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Dengan itu, melalui usaha CSR, syarikat korporat akan melaksanakan hubungan dengan pihak berkepentingan dan seterusnya membantu dalam meningkatkan kualiti kehidupan sedia ada pihak-pihak tersebut. Antara usaha yang dilaksanakan oleh syarikat korporat bagi tujuan ini adalah meningkatkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja; usaha pemuliharaan alam sekitar, membangunkan laporan kewangan *triple bottom-line*; membangunkan skema pensijilan dan label bagi produk dan perkhidmatan; menganjurkan dialog dengan para pemegang taruh; melaksanakan perkongsian usaha dengan NGO serta meningkatkan sokongan bagi projek dan program pembangunan komuniti (Utting 2005:375).

Walaupun pada asasnya konsep CSR bukan bertujuan secara fokus untuk membangunkan komuniti, namun dimensi dan kategori aktiviti-aktiviti yang dibincangkan sebagai aktiviti bagi memenuhi konsep CSR sering merujuk tanggungjawab kepada komuniti sebagai salah satu komponen utama dalam usaha ini (Kotler & Lee 2000, Bursa Malaysia 2006). Malahan kajian terhadap tema inisiatif CSR mendapati tanggungjawab kepada komuniti telah mendominasi pelaksanaan program CSR oleh kebanyakan syarikat korporat (Kapelus 2002:279). Lanjutan dari itu, muncul pendapat bahawa CSR secara semulajadi adalah merupakan usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh sektor swasta bagi membantu melengkapkan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dan juga institusi pembangunan multilateral terhadap komuniti (Vives 2004:46 dalam Ideamudia 2008:92). Malahan dalam definisi konsep CSR usaha meningkatkan kualiti kehidupan komuniti juga telah diberikan perhatian.

¹ Pada tahun 2002, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan Pembangunan Alaf Baru (Millennium Development Goals (MDGs) yang telah diterima oleh 147 Ketua Negara dan 189 perwakilan. Antara matlamat MDGs ialah i) membasmi kemiskinan dan kelaparan melampau; ii) mencapai pendidikan rendah sejagat; iii) menggalak persamaan jantina (gender) dan memperkasakan wanita; iv) mengurangkan kematian kanak-kanak; v) menambah-baik kesihatan ibu; vii) memastikan keselamatan alam sekitar; viii) membangun kerjasama global untuk pembangunan (Zainal 2005:128)

Menurut Steiner (1977) semasa beliau membincangkan tentang tanggungjawab institusi perniagaan kepada masyarakat, beliau berpendapatan bahawa walaupun tidak ada persetujuan bersama dengan apa yang dimaksudkan tentang peningkatan kualiti kehidupan dan bagaimana institusi perniagaan boleh melaksanakannya terhadap komuniti dan masyarakat, namun secara abstrak terdapat persetujuan bahawa penambahbaikan dalam masyarakat meliputi peningkatan dalam pendapatan individu semua ahli masyarakat, peningkatan dalam tahap kesamaan manusia, kewujudan peluang bagi individu untuk memenuhi kehendak dan keperluan, pembangunan persekitaran yang bebas dari pencemaran, pembangunan resolusi kepada masalah sosioekonomi asas dan juga peningkatan tahap kepuasan individu dalam masyarakat. Justeru itu CSR adalah merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh institusi perniagaan terutama sekali syarikat korporat bagi mengisi keperluan kepada tanggungjawab ini.

PEMBANGUNAN EKONOMI KOMUNITI

Pembangunan ekonomi adalah merupakan aktiviti yang meningkatkan penciptaan peluang pekerjaan dan juga meningkatkan pendapatan per kapita isi rumah (Phillip & Pittman 2009:15). Justeru itu pembangunan ekonomi komuniti wujud apabila individu dalam komuniti menganalisis keadaan ekonomi dalam komuniti tersebut, mengenal pasti keperluan dan juga peluang ekonomi yang ada, membuat keputusan apakah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan keadaan ekonomi dalam komuniti dan seterusnya berusaha untuk mencapai tujuan dan objektif ekonomi yang telah disepakati bersama. Ini bermaksud pembangunan ekonomi komuniti secara rasional bukan bertujuan untuk mengekalkan status quo komuniti tetapi merupakan sebuah konsep komprehensif untuk mengubah keadaan ekonomi sedia ada dalam komuniti tersebut kepada yang lebih baik (Shaffer, Deller & Marcouiller 2006:60). Bagi mencapai tujuan ini setiap individu atau kelompok individu memerlukan tahap jumlah pendapatan yang sesuai dengan mereka untuk hidup selesa dan baik (Zainal 2005).

Walaupun tujuan yang utama pembangunan ekonomi komuniti adalah untuk menghasilkan kekayaan dan juga membantu perubahan atau penyesuaian, namun Shaffer et al. (2006:70) berpendapat sangat penting dalam tujuan pembangunan komuniti kedua-dua kekayaan berbentuk kewangan dan bukan kewangan diambil kira. Kekayaan berbentuk bukan kewangan ini merangkumi peningkatan pilihan dan juga peluang kepada individu di samping penghargaan komuniti terhadap sesuatu yang membuatkan kehidupan mereka lebih mudah dan menyenangkan. Justeru itu dalam membincangkan pembangunan komuniti Maimunah Ismail (2001) merujuk pembangunan sebagai proses memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat dengan meningkatkan tahap kehidupan, menambah pilihan dalam peluang pekerjaan dan meningkatkan kapasiti sedia ada terhadap sumber dan perkhidmatan. Pandangan yang sama juga dinyatakan oleh Rahim M.Sail & Asnarulhadi Abu Samah (2010) apabila mereka merujuk pembangunan komuniti sebagai proses yang menyediakan usaha bersepadu bagi membangunkan komuniti dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti hidup ahli komuniti tersebut. Proses ini akan menjuruskan perubahan dalam banyak aspek kehidupan komuniti termasuklah aspek sosial, ekonomi, budaya dan juga alam sekitar.

Dengan itu, dalam membangunkan Model Rantaian Pembangunan Komuniti Phillip & Pittman (2009) telah mengaitkannya dengan pembangunan ekonomi yang di hujah oleh mereka sebagai saling berhubungan. Secara umum objektif pembangunan komuniti adalah untuk membangunkan aset dalam komuniti yang boleh digunakan untuk menambah baik komuniti, manakala tujuan pembangunan ekonomi pula adalah untuk menggerakkan aset tersebut untuk memberi manfaat kepada komuniti. Justeru itu, hasil pembangunan komuniti akan mewujudkan kesediaan komuniti untuk membuat tindakan dan penambahbaikan komuniti adalah merupakan petunjuk bahawa komuniti tersebut telah bersedia untuk pembangunan. Keadaan ini akan membantu proses pembangunan ekonomi dalam komuniti tersebut di mana aset komuniti akan digerakkan. Proses ini akan membawa kepada hasil pembangunan ekonomi iaitu peluang pekerjaan, peningkatan dalam pendapatan dan kekayaan serta peningkatan tahap kehidupan.

PROJEK CSR: SPICING THE COMMUNITY PROJECT

Projek CSR yang dipilih sebagai kajian kes ini adalah merupakan projek CSR perladangan cili kontrak yang dilaksanakan oleh sebuah syarikat korporat multinasional dengan kerjasama Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Bukit Awang, Jajahan Pasir Puteh Kelantan terhadap komuniti peladang di Bukit Awang. Projek ini dinamakan oleh syarikat korporat yang terlibat sebagai *Spicing the Community Project*. Projek ini memberi peluang kepada komuniti untuk menjalankan projek perladangan cili yang

mana hasil cili tersebut akan dibeli oleh syarikat korporat yang terlibat. Projek ini dilaksanakan oleh syarikat korporat yang dikaji sebagai salah satu projek CSR yang bertujuan untuk mewujudkan peluang pendapatan bagi peladang-peladang miskin di Malaysia. Projek ini dilaksanakan bagi mengaplikasikan falsafah syarikat iaitu untuk 'Mencipta Perkongsian Nilai' (Creating Shared Value). dengan cara melaksanakan pelaburan yang bukan sahaja membawa kebaikan kepada syarikat tetapi juga kepada komuniti lokal. Bermula dengan hanya empat orang peladang pada tahun 1994 dengan ladang seluas empat ekar, kini projek ini telah melibatkan seramai 242 peserta dan keluasan ladang sebanyak 242 ekar. Setiap peladang yang terlibat dengan projek ini akan mengusahakan seluas satu ekar ladang cili dengan jumlah pokok di antara 3000 sehingga 3500. Hasil ladang cili ini akan dikumpulkan oleh pihak PPK selaku pihak yang membantu menguruskan projek ini yang akan menguruskan proses penjualan cili kepada syarikat yang terlibat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti adakah projek perladangan cili kontrak dapat membangunkan ekonomi peladang yang terlibat ini direka bentuk dengan menggunakan pendekatan interpretivisme bagi menemui dan menerangkan pandangan pihak dalaman (insider) iaitu pandangan aktor-aktor sosial tentang realiti sosial (Reevany, Eleesya & Blaikie, 2006). Dalam konteks kajian ini pihak dalaman atau aktor sosial yang dimaksudkan adalah peserta program CSR yang dikaji. Sehubungan itu strategi penyelidikan ini adalah berkonsepkan abduktif yang merujuk kepada proses konstruksi teori yang dijelmakan dari bahasa dan makna dalam konteks aktiviti harian aktor-aktor sosial yang dijadikan sebagai asas pemahaman dan penerangan terhadap sesuatu permasalahan (Blaikie, 2007).

Pendekatan interpretivisme ini dapat membantu menjawab persoalan kajian sebagaimana yang pernah disarankan oleh Blowfield (2007) iaitu dalam konteks kajian CSR dan pembangunan, penyelidik perlu mendapatkan tema-tema berkaitan program CSR daripada komuniti yang terlibat yang merupakan aktor sosial dan seterusnya merumuskannya dari sudut pandang komuniti itu sendiri. Malahan menurut Barr (2005:457) yang juga merujuk dari perspektif kajian pembangunan komuniti, pendekatan ini akan memberi lebih nilai kepada pengalaman komuniti yang dikaji dengan mengandaikan bahawa komuniti mempunyai pengaruh yang dominan terhadap subjek yang dikaji. Seramai 45 orang peladang yang terlibat dengan projek perladangan cili kontrak telah ditemu bual secara mendalam bagi tujuan ini. pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan teoretikal (theoretical purposive sampling) yang mana individu yang dipilih sebagai sampel kajian adalah bergantung kepada tujuan kajian dan jumlah responden pula bergantung kepada ketepuan data yang diperolehi dari setiap individu responden (Flick, 2000; Marshall, 1996). Data temu bual bagi setiap peserta yang telah di rekod disalin dalam bentuk tulisan (transcribe) tepat sebagaimana yang dituturkan (verbatim). Transkripsi naratif responden ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisa tema (thematic analysis) di mana pernyataan yang signifikan akan diberikan kod. Setiap kod ini akan dibuat perbandingan secara berterusan sebelum digabungkan mengikut tema masing-masing bagi membentuk tema asas (TA). Setiap tema asas yang muncul dari proses ini kemudiannya di analisa selanjutnya dengan membuat pepadanan bagi meletakkan tema-tema tersebut dalam kluster yang dinamakan sebagai tema utama (TU) bagi menjawab persoalan kajian.

HASIL KAJIAN:TEMA-TEMA KESEJAHTERAAN EKONOMI KOMUNITI

Hasil analisa data kajian telah menemui 15 tema asas yang muncul dari naratif responden. Tema-tema ini telah dianalisis dengan membuat perbandingan dan pepadanan sehingga dapat dikelaskan kepada tiga tema utama (TU) iaitu TU-1: Peluang pekerjaan, TU-2: Peluang menjana sumber pendapatan dan TU-3: Penjana aset. Bilangan kod yang membangunkan setiap tema asas juga telah dikenal pasti (rujuk Jadual 1) namun, bukan tujuan kajian ini untuk mengkaji kekerapan bagi setiap tema yang muncul kerana analisa dan perbincangan memberi tumpuan kepada pembangunan tema-tema bagi mengenal pasti makna pembangunan ekonomi yang telah diberikan oleh komuniti peladang yang dikaji. Sehubungan dengan itu, setiap tema-tema yang telah muncul dari analisa data naratif kajian akan dibincangkan satu persatu.

TEMA UTAMA TU-1: Peluang Pekerjaan

Tema peluang pekerjaan dibangunkan dari dua tema asas iaitu TA1: Tiada pekerjaan lain dan TA2: Peluang pekerjaan untuk menetap di kampung. Tema asas TA1- Tiada pekerjaan lain ini muncul apabila terdapat komuniti yang memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai kerja lain jika tidak menanam cili bagi projek perladangan kontrak ini. Antara penyataan peladang yang ditemu bual adalah seperti berikut:

Peladang 34:

Di sini kalau tiada cili, kita kira macam tiada pekerjaan. Tanam padi hanya setahun sekali, selepas tanam padi, tiada kerja. Kalau lada (cili), tanam banyak-banyak pun tak apa sebab nak jual pun senang. Kalau tanam sayur pun susah nak jual. Tak ada yang nak mengambilnya.

Peladang 36:

Sebelum tanam cili ni saya tak ada buat kerja apa-apa. Tak ada kerja nak buat. Kalau tak tanam cili ni saya memang tiada kerja. Cuma menanam sayur-sayur sikit-sikit itu saja.

Keadaan ini menunjukkan bahawa projek perladangan cili kontrak ini telah memberi peluang pekerjaan kepada komuniti yang tidak mempunyai pekerjaan sebelum di kawasan tersebut. Selain dari mewujudkan peluang pekerjaan kepada komuniti di kawasan Bukit Awang, projek perladangan cili ini juga telah memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian komuniti yang sebelum ini telah keluar berhijrah bagi tujuan mendapatkan peluang pekerjaan.

Peladang 39:

Saya bekerja kontrak di bandar. Hati tu memang nak duduk di kampung tapi saya tak nampak apa saya boleh buat di sini. Tapi tahun 2006 tu saya tengok kawan yang tanam cili boleh berjaya. Jadi saya rasa ni peluang saya balik duduk di kampung. Jadi saya berhenti kerja kontrak. Tu yang saya buat cili sekarang ni.

Peladang 33:

Lepas sekolah saya terus kerja kontrak di Singapura. Kemudian tak lama lepas tu kawan ajak saya balik kampung sebab boleh buat lada di kampung (boleh mengusahakan tanaman cili) sebab dapat kontrak dengan syarikat. Jadi saya balik, buat bertani ni (tanam cili) kemudian berumah tangga dan sampai sekarang saya masih lagi tanam lada.

Naratif dari peladang-peladang ini menunjukkan mereka merujuk projek ini sebagai satu peluang pekerjaan yang mampu untuk menyara kehidupan mereka sehingga menjadikan sebahagian mereka berani membuat keputusan untuk kembali menetap di kampung. Fenomena ini telah membangunkan tema asas TA-2 iaitu memberi peluang pekerjaan untuk menetap di kampung. Dengan mengabungkan tema asas TA:1 dan TA-2 ini maka kajian telah membangunkan tema utama TU-1: Peluang pekerjaan.

TEMA UTAMA TU-2: Peluang menjana sumber pendapatan

Hasil analisa data juga mendapati pelaksanaan projek cili kontrak ini telah memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan. Terdapat lima tema asas yang membangunkan tema utama ini iaitu TA-3: Sumber utama pendapatan keluarga; TA-4: Peluang meningkatkan hasil pendapatan; TA-5: Peluang mengubah kehidupan; TA-6: Peluang kerja sampingan dan TA-7: Jaminan sumber kewangan.

Hasil analisa data kajian mendapati peladang merujuk perladangan cili kontrak sebagai satu sumber utama kepada pendapatan keluarga. Keadaan ini secara jelas dinyatakan oleh Peladang:

Peladang 26:

Hasil cili ni sumber pendapatan utama keluarga saya. Hasil cili ni lah kami buat beli makanan, beras semuanya lah. Kalau tak ada hasil cili ni macam mana? Anak-anak nak sekolah. Macam-macam nak beli. Boleh menangis kalau tak ada sumber hasil macam ni.

Kenyataan oleh peladang ini memperlihatkan keadaan di mana hasil yang diterima dari penjualan cili digunakan oleh peladang bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan keluarga. Fenomena ini telah membangunkan tema asas TA-3: Sumber utama pendapatan keluarga.

Peluang untuk terlibat dalam aktiviti perladangan kontrak ini juga telah dirujuk oleh sebahagian peladang sebagai satu peluang bagi meningkatkan lagi sumber pendapatan sedia ada mereka. Keadaan ini dapat diperhatikan dari kenyataan yang dibuat oleh peladang yang ditemu bual yang membuat perbandingan antara pendapatan mereka sebelum terlibat dengan perladangan kontrak ini dan juga pendapatan setelah terlibat dengannya. Peningkatan hasil pendapatan yang telah dinyatakan oleh peladang ini telah membangunkan tema asas TA-4: Peluang meningkatkan hasil pendapatan:

Peladang 2:

Ni yang kita nak bagi tahu ni. Dulu masa awal-awal tu kita tanam tembakau tiga ribu, cili seribu. Apabila tembakau jadi, cili pun jadi. Alhamdulillah Tuhan beri jadi dua-dua. Kita jual hasil tembakau, tak boleh pun dapat RM3000. Bersih, dapat RM2000 je. Tak tolak kos lagi. Kalau tolak kos, dalam RM2500. Tapi cili yang kita tanam satu ribu pokok tu, dah tolak dengan kos dia, boleh dapat RM7000.

Selain dari itu, hasil kajian juga mendapati terdapat keadaan dimana peladang menyatakan penglibatan mereka dengan projek perladangan cili kontrak ini dapat membawa perubahan dalam kehidupan terutama yang berkaitan dengan sumber ekonomi keluarga. Ini bermaksud peladang merujuk projek ini sebagai satu mekanisme dalam usaha mengubah keadaan hidup sedia ada.

Peladang 25:

Memang kalau peladang yang betul-betul tekun usahakan cili ni hidup akan berubah. Bila dah menjadi (berjaya menanam dan mendapat hasil) memang orang tak akan tinggalkan usaha cili ni.

Peladang 36:

..... yang paling ketara bezanya sekarang ialah duit buat belanja di rumah tu nampak lebih sikit dari sebelum ni lah.

Perbezaan yang ketara dari segi sumber ekonomi keluarga diakui oleh peladang yang terlibat dengan projek perladangan cili kontrak ini yang berubah menjadi lebih baik dari kehidupan sebelumnya. Dengan keadaan ini maka tema asas TA-5: Peluang mengubah kehidupan telah muncul dalam kajian ini.

Tidak hanya menjadi sumber pendapatan utama kepada peladang dan juga memberi peluang bagi peningkatan dalam nilai sumber pendapatan (TA-4), kajian ini juga mendapati peladang merujuk projek perladangan ini sebagai peluang bagi menambah sumber pendapatan. Ini bermaksud, projek cili memberi peluang kepada komuniti setempat untuk melaksanakan perladangan cili sebagai kerja sampingan bagi mereka yang telah mempunyai sumber pendapatan tetap. Keadaan ini telah membangunkan tema asas TA-6: Peluang kerja sampingan

Peladang 3:

Kalau tak tanam cili tu, saya rehat sajalah sebab saya guru Kafa bukan kerja tiap masa. Tapi sebab ada peluang ni jadi saya cuba tanam. Alhamdulillah menjadi. Boleh tambah gaji yang ada tu.

Kajian juga mendapati terdapat peladang yang menyedari setelah mereka terlibat dengan projek perladangan cili ini, sumber kewangan keluarga berada dalam keadaan stabil. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam kenyataan oleh peladang dan seterusnya membangunkan tema asas TA-7: Jaminan sumber kewangan

Peladang 30:

Sejak kita tanam lada (cili) ni duit tu kata orang dah tak jadi masalah lah. Kalau kita nak beli apa-apa tu, InsyaAllah duit tu adalah... Malahan hasil ni boleh bantu kita buat macam-macam. Sebab tu kalau tak mustahak kita tak ambil duit hasil ni. Kita simpan nanti bila perlu baru kita pergi ambil.

Gabungan dari lima tema asas yang telah dinyatakan di atas telah digabungkan dan membentuk tema utama TU-2: Peluang menjana sumber pendapatan.

TEMA UTAMA TU-3: Penjanaan Aset

Kajian ini juga dapat mengenal pasti terdapatnya penjanaan aset yang telah berlaku di kalangan komuniti peladang yang dikaji sejak mereka terlibat dengan projek perladangan ini. Terdapat lapan tema asas yang menerangkan tema utama penjanaan aset ini iaitu tema asas TA-8: Dapat beli tanah; TA-9: Dapat buat rumah; TA-10: Simpanan untuk perkara penting; TA-11: Simpanan untuk ibadah haji; TA-12: Dapat beli kenderaan; TA-13: Dapat tambah barang kemas; TA-14: Dapat tambah peralatan pertanian dan TA-15: Dapat melabur.

Analisa kajian mendapati terdapat peladang yang berkeupayaan untuk membeli tanah juga membuat dan menambah baik rumah sedia ada mereka. Peladang menyatakan bahawa jumlah pendapatan mereka dari hasil perladangan cili ini mempunyai lebih dari keperluan harian untuk tujuan ini.

Peladang 1:

ada duit sikit-sikit ni boleh lah sambung 'bangsal' (sambung rumah) sikit-sikit.....begitu lah...ada duit lebih sikit, bila ada orang nak jual tanah kita beli.....sebab dapat duit masa bekerja macam ni lah boleh membeli

Fenomena ini telah mewujudkan tema asas TA-8 dan juga tema asas TA-9 yang merujuk kepada keupayaan peladang untuk membeli tanah dan juga membuat rumah. Selain itu terdapat juga peladang yang menyatakan hasil pendapatan dari perladangan cili kontrak ini dapat dijadikan simpanan untuk keperluan keluarga ketika memerlukan.

Peladang 21:

Alhamdulillah sejak ada tanam lada ni dapat juga menyimpan. Dulu susah sikit. Macam sekarang, kalau nak beli apa apa, dapat beli terus sebab ada yang kita simpan sikit-sikit

Keadaan ini berbeza dengan keadaan sebelum mereka terlibat dengan projek ini di mana sebelum ini agak sukar untuk mereka membuat simpanan. Hasil analisa naratif peladang ini telah membangunkan tema asas TA-Simpanan untuk perkara penting. Selanjutnya, dalam membincangkan simpanan yang dapat dibuat oleh peladang, mereka telah memaklumkan satu lagi jenis simpanan iaitu simpanan bagi tujuan ibadah haji di Mekah. Selain dari itu, terdapat juga peladang yang menyimpan dengan membuta pelaburan di skim amanah saham yang sedia ada

Peladang 5:

Alhamdulillah, dalam sedikit sebanyak tu kita dapat menyimpan pergi ke Mekah (melakukan ibadah haji)

Peladang 41:

sejak tanam cili kita boleh lah simpan dalam skim amanah yang kita masuk tu

Simpanan ini secara umumnya menunjukkan satu status keupayaan ekonomi dalam komuniti jika ahli komuniti memperolehnya kerana secara tidak langsung tema ini membayangkan lebih pendapatan yang ada pada individu tersebut. Selain simpanan, kajian juga mendapati peladang menunjukkan keupayaan mereka untuk memperoleh beberapa aset yang lain dalam kehidupan seperti kenderaan dan juga barang kemas.

Peladang 6:

Perubahan yang tak dijangka, dulu saya ada basikal, lepas tu, saya pakai motosikal. Saya ingat lagi harga motosikal tu, RM1300. Saya bayar 3 kali masa tu. Tapi setakat saya buat cili sampai sekarang, saya boleh beli kereta untuk kali kedua.

Peladang 1:

Kita boleh beli barang kemas semua dari hasil lada. Masa dulu masa dia (menunjuk kepada suaminya) bawak teksi boleh buat makan saja. Kita orang perempuan perlu perhiasan kan. Perhiasan orang Kelantan memang barang kemas lah.

Kedua-dua keadaan ini telah membangunkan tema asas TA-12 dan TA-13 bagi kajian ini yang merujuk kepada pembelian kenderaan dan juga pembelian barang kemas. Selain dari itu, terdapat juga peladang yang menyatakan bahawa pendapatan yang diperoleh oleh mereka digunakan untuk meningkatkan lagi keupayaan perladangan dengan membeli peralatan bagi tujuan perladangan.

Peladang 33:

hasil daripada tanaman cili tu saya beli pam racun, pam air dan juga peralatan pertanian yang lain untuk kemudahan pertanian sebab PPK cuma bagi pinjam saja secara berkelompok. Kalau kita nak guna untuk sendiri kita kenalah beli sendiri lah.

PERBINCANGAN

Tema-tema yang muncul dari hasil kajian mendapati penglibatan peladang dengan projek perladangan cili kontrak ini telah membantu membawa perubahan kepada faktor yang mempunyai kaitan dengan pembangunan ekonomi komuniti peladang. Tema utama TU-1 yang merujuk kepada peluang pekerjaan telah memperlihatkan situasi pembangunan ekonomi komuniti sebagaimana yang dinyatakan oleh Maimunah Ismail (2001:7) bahawa salah satu faktor yang memperlihatkan pembangunan ekonomi adalah apabila komuniti dapat menambah pilihan dalam peluang pekerjaan. Tema peluang pekerjaan yang muncul dalam kajian ini merujuk kepada peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh projek perladangan kontrak cili kepada peladang terutama sekali kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan sebelum ini (TA-1). Manakala lanjutan dari itu, tema asas TA-2 pula telah menggambarkan bahawa dengan adanya peluang pekerjaan, maka muncul peluang bagi komuniti untuk membuat keputusan dan memilih untuk bekerja serta menetap di kampung. Keadaan ini menunjukkan kesan yang positif kepada komuniti setempat hasil dari peluang pekerjaan yang muncul dari projek perladangan cili kontrak ini dan seterusnya memberi ruang bagi komuniti memilih peluang pekerjaan sedia ada.

Dalam membangunkan model rantaian pembangunan, Phillip & Pittman (2009) juga telah meletakkan peluang pekerjaan sebagai salah satu hasil pembangunan komuniti kesan dari pergerakan aset dalam komuniti tersebut. Hasil kajian juga telah menunjukkan peluang komuniti terlibat dalam projek perladangan cili kontrak ini telah memberi ruang kepada pergerakan aset dalam komuniti baik dari aspek modal manusia iaitu peladang itu sendiri mahupun dari aspek aset pengeluaran perladangan iaitu hasil cili yang dijual secara komersial melalui projek ini. Pergerakan aset yang berlaku dalam komuniti CSR ini telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan bagi mereka.

Selain dari itu, jika dirujuk kepada matlamat pembangunan komuniti di Malaysia secara umum, mewujudkan peluang pekerjaan juga adalah merupakan salah satu matlamat utama projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan kepada rakyatnya. Justeru itu dengan wujudnya peluang pekerjaan dari projek CSR yang dikaji ini, maka secara tidak langsung projek ini telah menjurus kepada usaha dalam proses pembangunan komuniti dan juga pada masa yang sama mewujudkan keadaan yang selari dengan matlamat pembangunan negara Malaysia.

Hasil kajian juga menemui tema utama TU-Menjana Sumber Pendapatan yang merujuk kepada penjana pendapatan sebagai punca pendapatan utama, sumber pendapatan dari peluang bekerja sambil, sumber pendapatan yang lebih tinggi dari sumber pendapatan komuniti sebelum ini, sumber pendapatan yang dapat mengubah kehidupan kepada yang lebih baik dan juga sumber pendapatan yang menjadikan peladang dalam keadaan selesa berkaitan dengan sumber kewangan (rujuk TA-3 hingga TA-7). Sehubungan itu, tema ini menggambarkan kewujudan peningkatan dalam keadaan ekonomi berbentuk kewangan bagi peladang yang terlibat yang mana faktor ini adalah merupakan sebahagian dari faktor yang mempengaruhi kesejahteraan ekonomi komuniti sebagaimana pandangan Shaffer et al. (2006) bahawa peningkatan kekayaan kewangan adalah sebahagian dari faktor penting yang perlu diambil kira dalam menilai pembangunan ekonomi komuniti. Perkara yang sama juga dibincangkan oleh Phillip & Pittman (2009) yang melihat peningkatan pendapatan dan juga kekayaan adalah sebahagian dari hasil pembangunan ekonomi komuniti.

Seterusnya, tema utama TU-3 yang merujuk kepada Pembinaan Aset boleh dikategorikan dalam salah satu komponen kesejahteraan ekonomi komuniti. Pembinaan aset ini merangkumi tanah, rumah, simpanan, kenderaan, barang kemas dan juga peluang untuk melabur yang mana menjurus kepada faktor kesejahteraan yang ditemui oleh Mohd Yusof et al (2011) yang menghujahkan bahawa selain dari pekerjaan yang berfaedah, barangan material adalah merupakan antara faktor yang sangat penting dalam memberi makna kesejahteraan kepada komuniti. Justeru itu, selain dari memberi peluang pekerjaan dan juga menjana sumber pendapatan kepada komuniti, projek perladangan cili kontrak ini juga telah dimakna oleh komuniti peladang yang terlibat sebagai projek yang dapat

memberi peluang kepada mereka menjana aset atau barangan material seperti tanah, rumah dan juga wang simpanan. Secara tidak langsung, keadaan yang dialami oleh peladang ini boleh diinterpretasikan sebagai peningkatan dalam tahap kehidupan komuniti yang merupakan sebahagian dari proses dalam mencapai pembangunan ekonomi komuniti menurut model rantaian pembangunan komuniti oleh Phillip & Pittman (2009).

RUMUSAN

Berdasarkan analisa pengalaman peladang yang terlibat dengan projek CSR *spicing up community* yang merupakan projek perladangan cili kontrak antara syarikat korporat dan juga komuniti dengan kerjasama pihak PPK, dapat diperhatikan telah muncul tema-tema kajian yang merujuk kepada pembangunan ekonomi komuniti kepada peladang yang terlibat. Tema-tema ini merujuk kepada tiga tema utama iaitu peluang pekerjaan, peluang menjana sumber pendapatan dan juga penjanaan aset. Gabungan ketiga-tiga tema ini membawa kepada makna yang memperlihatkan kewujudan perubahan dalam tahap ekonomi komuniti yang terlibat. Tema-tema ini memberi indikasi kepada perubahan tahap ekonomi komuniti yang dikaji berdasarkan pandangan sosial aktor yang terlibat itu sendiri sebagaimana yang dicadangkan oleh Blowfield (2007) bagi menilai keupayaan projek CSR membantu usaha pembangunan komuniti. Makna yang diberikan oleh peladang yang dikaji selaku komuniti yang terlibat secara langsung dengan projek CSR perladangan kontrak ini menunjukkan bahawa projek CSR yang dikaji mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti yang terlibat.

RUJUKAN

- Barney, I. (2003). Business, community development and sustainable livelihood approach. *Community Development Journal*, 38(3), 255-265.
- Barr, A. (2005). Themes and issues: the contribution of research to community development, *Community Development Journal*, 40(4), 453-458.
- Blowfield, M. (2007). Reasons to be cheerful? What we know about CSR's impact. *Third World Quarterly*, 28(4), 683-695.
- Blowfield, M., & Frynas, J. (2005). Setting new agendas: critical perspectives on corporate social responsibility in the developing world. *International Affairs*, 81(3), 499-513
- Bursa Malaysia. (2006). Bursa Malaysia's CSR Framework For Malaysian PLCs. Retrieved May 28, 2008 from http://www.klse.com.my/website/bm/about_us/
- Flick, U. (1998). *An Introduction to Qualitative Research*. London: SAGE Publication
- Frynas, J. (2005). The false developmental promise of Corporate Social Responsibility: evidence from multinational oil companies. *International Affairs*, 81(3), 581-598.
- Ideamudia, U. (2008). Conceptualising the CSR and development debate: Bridging existing analytical gaps. *Journal of Corporate Citizenship*, 29 (Spring), 91-110.
- Jenkins, R. (2005). Globalization, corporate social responsibility and poverty. *International Affairs* 81(3), 525-540.
- Kapelus, P. (2002). Mining, corporate social responsibility and the "community": The case of Rio Tinto, Richards Bay Minerals and the Mbonambi. *Journal of Business Ethics*, 39(3), 275-296.
- Kotler, P. & Lee, N. (2005). *Corporate social responsibility: Doing the most good for your company and your cause*. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.
- Maimunah Ismail (2001). *Malaysian Women in Rural Development and Entrepreneurship: From Rural Producers to Urban Entrepreneur*. London: Asean Academic Press
- Maimunah Ismail (2009). Corporate Social Responsibility and the role in community development: An international perspektif. *The Journal of International Social Research*, 2(9) :199-209
- Marshall. M. N. (1996) Sampling for qualitative research. *Family Practice*, 13(6):522-525
- Mohd Yusof Hussain, Azima Abdul Manaf, Zaimah Ramli & Suhana Saad. (2011). Kesejahteraan sosial masyarakat nelayan: Kajian kes di Kampung Sri Bahagia, Mersing, Johor. *Malaysian Journal of Society and Space*. [online]. 7. [Accessed 10 January 2012], p.80-90. Available from World Wide web: <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/7.geografia-2011-4-sp-yusof,azima-ukm-2-am.doc.pdf>
- Muthuri, J.N. (2007). Corporate citizenship and sustainable development. *Journal of Corporate Citizenship*, 28 (Winter), 73-84.

- Newell, P. & Frynas, J.G. (2007). Beyond CSR? Business, poverty and social justice: an introduction. *Third World Quarterly*. 28(4), 669-681
- Philips, R & Pitmann, R.H. (2009). A framework for community and economic development. in Philips, R & Pitman, R. (ed) *An Introduction to Community Development*. Routledge: London, 3-15.
- Rahim M. Sail & Asnarulkhadi Abu Samah. (2010). Community development through community capacity building: A sosial science perspective. *Journal of American Science*, 6(2): 68-76
- Reevany Bustami, Ellisha Nasruddin & Blaikie, N.(2004). *Lima Falsafah Penyelidikan Paradigma dan Strategi Penyelidikan untuk Sains Sosial dan Pengurusan*. Pulau Pinang, Malaysia: KnowledgeCraftsmen.
- Sharp, J. (2006). Corporate social responsibility and development: an anthropological perspective. *Development Southern Africa*. 23(2): 214-222.
- Shaffer, R., Deller,S. & Marcouller, D. (2006). Rethinking community economic development. *Economic Development Quarterly*. 20(1): 59-74.
- Steiner, G.A. (1977) Social policy for business. In (ed) Caroll A.B. *Managing Corporate Social Responsibility*. Canada: Little Brown and Company, pg 319-326.
- Utting, P. (2003). Promoting Development through Corporate Social Responsibility–Prospects and Limitations. *Global Future*, 3, 11–13.
- Utting, P. (2005). Corporate responsibility and the movement of business. *Development in Practice*. 15(3&4), 375-388.
- World Business Council for Sustainable Development (WBCSD). (2000). *Corporate social responsibility: meeting changing expectations*. Retrieved April 15, 2007, from <http://www.Wbcd.org/DocRoot/RGK80049ErwnWXIwtf/>
- Zainal Kling. (2005). Petunjuk pembangunan sosial dalam sesebuah ekonomi maju. *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah Al haj dan Seminar Selangor* (pp 126-143). Selangor: Jabatan Mufti Selangor.

Jadual/Rajah

JADUAL 1: Tema Asas dan Tema Utama Kajian

Tema Asas (TA)	Tema Utama (TU)
TA-1. Tiada pekerjaan lain (13) TA-2. Peluang pekerjaan untuk menetap di kampung(3)	TU-1. Peluang pekerjaan (16)
TA-3. Sumber utama pendapatan keluarga (5) TA-4. Peluang meningkatkan hasil pendapatan (18) TA-5. Peluang mengubah kehidupan (4) TA-6. Peluang kerja sampingan (4) TA-7. Jaminan sumber kewangan (3)	TU-2. Peluang menjana sumber pendapatan (34)
TA-8. Dapat beli tanah (9) TA-9. Dapat buat rumah (9) TA-10. Simpanan untuk perkara penting (5) TA-11. Simpanan untuk ibadah haji (4) TA-12. Dapat beli kenderaan (4) TA-13. Dapat tambah barang kemas (1) TA-14. Dapat tambah peralatan pertanian (1) TA-15. Dapat melabur (1)	TU-3. Penjana Aset (34)

Nota: () Bilangan kod penyataan peladang